


# Tamadun Cina



# Tamadun Islam dan Tamadun Asia

---

- Tamadun Cina merupakan salah sebuah tamadun tertua di dunia.
- Ianya diperintah secara silih berganti oleh dinasti yang berbeza yang berbentuk feudal dan kemudiannya kepada imperialisme maharaja, dan seterusnya daripada sistem republik kepada sistem pemerintahan komunis.
- Penguasaan negara oleh orang luar seperti Mongol, Muslim dan Barat ke atas wilayah Cina telah memberi impak dan sumbangan yang signifikan terhadap bentuk tamadun Cina.

# Pengenalan

---



- Bangsa Cina digabungkan oleh 5 kaum besar dipanggil dengan nama Zhonghua Minzu(bangsa Tionghua).
- Pada mulanya bangsa Cina dikenali sebagai bangsa Huaxia kemudian bertukar kepada bangsa Han dan Tang semasa dinasti Tang.
- Terdiri daripada beberapa bangsa kumpulan etnik besar iaitu Han, Hui, Manchu, Mongol dan Zang (Tibet)

# Konsep dan Takrif

---

- Konsep negara dalam tamadun Cina iaitu Zhong Guo (Tiongkok) membawa pengertian ‘Negara Tengah’.
  - Konsep Zhong Hua (Tionghua) adalah gabungan daripada istilah Zhong Gua dengan Hua Xia yang merujuk kepada konsep wilayah tanah jajahan pemerintahan dinasti Cina (Bangsa Han) yang mengamalkan budaya Zhong Yen.
-



- Negara merujuk kepada semangat untuk mengeluarkan seluruh unit kecil kenegaraan.
- Konsep Zhong (taat) merupakan asas dalam sistem kenegaraan manakala Xiao (berbakti) merupakan sistem kekeluargaan.
- Sistem kekeluargaan yang menjadi asas kepada sistem kenegaraan dan dalam budaya Cina semangat bangsa lebih diutamakan daripada semangat negara.
-

- Kedudukan Geografi
  - Huang He (Sungai Kuning ) merupakan pusat pertumbuhan tamadun Cina di utara dan Chang Jiang merupakan pusat pertumbuhan tamadun Cina di selatan.
  - Antara bandar utama yang muncul dalam tamadun awal ini ialah Anyang yang menjadi ibu kota Dinasti Shang manakala bandar tertua di China ialah Changan dan Loyang.
  - Faktor pertumbuhan bandar dan kota didorong oleh faktor sungai atau sumber air.

# Wilayah

---



- Susun lapis masyarakat Cina dibahagikan kepada empat peringkat iaitu kaum pelajar, kaum tani, kaum pekerja dan kaum pedagang.
- Dalam budaya Cina, setiap dinasti mentadbir negara menjadikan rakyat sebagai perkara yang paling asas dengan cara memberi perhatian terhadap keadaan dan kehidupan rakyat.
- Golongan petani memainkan peranan penting dalam masyarakat Cina kerana hasil pertanian mereka itu dinikmati bersama oleh warga China.

# Masyarakat dan budaya

---

- Sistem kemasyarakatan Cina pula adalah berteraskan sistem kekeluargaan yang menekankan kuasa bapa, memusatkan kuasa kaum lelaki dan nasab kaum lelaki yang mengutamakan waris lelaki sebelah bapa dan pemerintah.
- Sistem etika dan orientasi nilai dalam masyarakat Cina banyak dipengaruhi oleh pemikiran konfucius.

# **Masyarakat dan budaya**

---



- Sistem hubungan kekeluargaan terbahagi kepada 5 aspek yang dikenali sebagai konsep Wu Lun:
    - Hubungan ibu bapa dan anak.
    - Hubungan suami dan isteri.
    - Hubungan sesama adik beradik.
    - Hubungan antara kawan.
    - Hubungan antara raja dan rakyat.
-

- Konsep Wu Lun ini pula mempunyai kaitan rapat dengan Wu Chang iaitu:
    - Ren (kemanusiaan)
    - Yi (kesaksamaan/keadilan)
    - Li (tatasusila/ kesopanan)
    - Zhi (kebijaksanaan/hikmah)
    - Xin (amanah/kepercayaan)
-



- Konsep Xiao (berbakti) merupakan asas kepada sistem kekeluargaan dan konsep Zhong (taat) merupakan asas pada sistem kenegaraan.
  - Peranan keluarga amat penting maka sistem Zong Fa menekankan susur galur warisan nenek moyang dalam perhubungan antara manusia dengan manusia.
-

- Bahasa dan Tulisan Cina
    - Bahasa pertuturan Cina adalah pelbagai berdasarkan kepelbagaian bangsa.
    - Pada zaman dinasti Han, bahasa pertuturan dan sistem tulisan Cina diseragamkan yang dikenali sebagai Hanyu(bahasa) dan Hanzi(tulisan).
    - Sistem tulisan Cina dibentuk berdasarkan kombinasi 3 unsur utama iaitu makna, bunyi dan bentuk.
-



- Bahasa lisan Cina pula terbahagi kepada beberapa kumpulan utama:
    - Dialek Utara Atau Mandarin
    - Dialek Wu
    - Dialek Xiang Atau Hunanis
    - Dialek Gan Atau Kiangsi
    - Dialek Keijia Atau Hakka
    - Dialek Yue Atau Kantonis
    - Dialek Min Atau Fukienis
-

- Konsep Tian
  - Bagi kepercayaan Cina, Tian digunakan bagi menunjukkan makna langit dan juga dewa utama.
  - Tian merupakan sumber kewujudan kepada seluruh makhluk di dunia.
  - Tian adalah yang maha agung mengatasi segala sesuatu.
  - Tian adalah penentu nasib sesebuah dinasti.
  - Tian adalah kuasa penentu kebahagiaan dan kesengsaraan insan.

# **Pandangan Semester dalam tamadun Cina**

---



- Konsep Dao
    - Konsep Dao secara harfiah bermaksud jalan (the way)
    - Dao adalah konsep semula jadi (nature)
    - Dao adalah prinsip agung yang mutlak, asal usul semua makhluk (wanwu)
    - Dao bersifat azali (primordial), dengan semua makhluk berasal dan akan kembali pada akhir hayat mereka.
-

- Konsep Taiji, Yin Yang dan Wuxing
    - Konsep taiji merujuk kepada satu hakikat yang mutlak.
    - Teori Yin Yang merupakan percanggahan dan pertentangan dari dua aspek positif dan negatif.fasa pertukaran bergilir-gilir kuasa dwikutub ini dengan 5 elemen(wuxing) iaitu
      - Air : membasahkan dan menurunkan
      - Api : bernyala dan naik
      - Kayu : membengkok dan melurus
      - Logam : memberi dan diubahsuai
      - Tanah: menyediakan tempat semaian dan pemungutan hasil.
-



- Kesepaduan Tian dengan insan
    - Insan adalah sebahagian daripada tian.
    - Disebabkan hubungan antara insan dan tian yang begitu rapat maka segala kesalahan yang dilakukan oleh insan akan mengakibatkan bencana alam sebagai tanda kemarahan tian dan amaran kepada insan.
-

- Prinsip Zhongyang

- Sifat mulia yang tidak melampaui batas sama ada yang terlebih atau terkurang.
  - Perkataan Zhong merujuk kepada sesuatu yang paling sesuai, paling tepat atau terbaik dalam sesuatu keadaan.
  - Dari segi emosi atau perasaan, Zhong boleh dicapai melalui 2 cara:
    - Sekiranya dia mencari keputusan yang tepat tanpa gangguan emosi
    - Jika sesuatu perasaan timbul maka ia mestilah dalam kuantiti yang betul dan tidak berlebihan atau berkurangan.
-



- Konfusianisme
  - Diasaskan oleh Konfusius (551 SM-479 SM) merangkumi aspek-aspek falsafah, pendidikan dan sosial politik yang terkandung dalam kitab Lun Yu.
  - Ajaran yang dibawa oleh konfusius bukanlah ajaran agama kerana penekanan beliau lebih kepada soal kehidupan sosial manusia.
  - Ajaran konfusius menekankan tentang kualiti peribadi manusia seperti kesopanan, jujur, menghormati kebaikan, keamanan, berbudi pekerti tinggi dan bertanggungjawab.

# **Kepelbagaian falsafah dan agama tamadun Cina**

---

- Dalam ajarannya, konfucius telah menekankan peri pentingnya mengamalkan nilai dan moral yang baik terutamanya soal kemanusiaan (Ren/Jen) dan mempunyai kasih sayang sesama manusia.
  - Bagi mempraktikkan konsep Ren/ Jen, maka pengikutnya disarankan untuk mengamalkan konsep Chung dan Shu iaitu konsep yang saling melengkapi.
-



- Antara nilai-nilai moral yang dititikberatkan dalam konfusianisme ialah:
    - Kemanusiaan (Ren)
    - Keadilan/kewajaran (Yi)
    - Kesusilaan, upacara ritual (Li)
    - Kearifan (Zhi)
    - Ketaatan kepada ibu bapa( Xiao)
-

- Buddhisme Cina

- Ajaran agama Buddha hanya mendapat tempat dalam masyarakat Cina apabila Negara China dilanda masalah akibat zaman perpecahan dan peperangan yang membawa keadaan huru hara dan tidak tenteram.
  - Ajaran agama Buddha memberi satu wadah baru dalam pengajaran tentang kehidupan dan alam semesta.
  - Menjadi penyelamat dan melengkapkan budaya Cina dengan memberi keamanan dan ketenangan yang tidak terdapat dalam kehidupan masyarakat Cina.
  - Agama Buddha juga mempunyai persamaan dengan ajaran Daoisme.
-



- Buddhisme Cina juga percaya tentang teori karma.
  - Antara intipadi ajaran Buddhisme Cina ialah penerapan konsep Wu-Wei (tanpa tindakan) dan Wu-Shin (tidak ada hati) yang bermaksud seseorang yang mengamalkan dua konsep ini tidak akan mengharapkan sesuatu atau bergantung dengan seseorang.
-

- Moisme
    - Diasaskan oleh Mo Zi (479 SM- 381 SM)
    - Konsep-konsep termasuk aspek kasih sayang sejagat, mengecam sikap suka berperang, tidak menyerah kepada nasib dan mengutamakan golongan cerdik pandai.
    - Mo Tzu menegaskan bahawa seorang pemimpin perlu mempunyai moral yang tinggi, berkebolehan dan bersifat baik.
    - Menentang sistem warisan dalam memilih pemimpin dan menekankan kesederhanaan dalam kehidupan seorang pemimpin.
-



- Daoisme

- Diasaskan oleh pemikir agung Cina iaitu Laozi. Terbahagi kepada 2 cabang iaitu pemikiran falsafah Dao dan aliran keagamaan Dao yang terkandung dalam kitab Daode Jing.
- Secara umumnya Daoisme merujuk ‘the way things do what they do’.

- Aliran Fa
    - Terangkum dengan 3 cabang iaitu Fa (undang-undang), Shi (autoriti) dan Shu (kaedah).
    - Mengutamakan pemikiran sosiopolitik dan kekuasaan pihak pemerintah ke atas rakyatnya.
-



- Islam

- Falsafah pemikiran agam islam Cina merupakan hasil gabungan budaya pemikiran Konfusianisme dengan agama Islam:
    - Konsep Zhen Yi: kepercayaan dan keimanan orang Muslim terhadap Tuhan yang Maha Esa. Kalangan Cina Muslim telah menggabungkan konsep Wu dalam warisan falsafah Cina dengan konsep Yi (satu) dalam menjelaskan keesaan tuhan.
    - Konsep Ming (takdir): perintah atau hasrat langit oleh konfusianisme disesuaikan dengan konsep takdir dalam ajaran Islam.
    - Pemikiran akhlak Cina Muslim mengemukakan 3 aspek iaitu konsep kebaikan di dunia dan akhirat, ketaatan kepada Tuhan dan raja dan berbakti kepada kedua ibu bapa.
-

- Pemikiran politik Cina banyak dipengaruhi oleh aliran-aliran falsafah Konfusianisme, Daoisme, Aliran Fa dan Moisme.
- Sistem politik dan pemerintahan di China adalah berteraskan dinasti yang bersifat feudal.

# **Institusi politik dan sistem pemerintahan**

---



- Sesebuah dinasti akan berpegang pada satu ajaran falsafah lazimnya berbeza dengan falsafah dinasti yang lain
    - Konfusianisme menekankan pemerintahan berdasarkan akhlak
    - Moisme menekankan pemerintahan berdasarkan kebajikan
    - Aliran Fa menekankan pemerintahan berdasarkan perundangan
    - Daoisme menekankan pemerintahan berdasarkan tabii
-

- Kesusasteraan
  - Muncul ahli sastera Cina yang hebat seperti Lu Ji , Zou Si, Li Bo dan lain lagi.
  - Perkembangan kesusasteraan muncul terutamanya semasa dinasti Han dan Tang.
  - Sejarah perkembangan puisi Cina boleh dibuktikan dengan penghasilan Buku Puisi atau Shih Ching.

**Pencapaian dalam  
pelbagai bidang**

---




- Kesenian

- Seni muzik



- Kaligrafi



- Seni lukis



- Seni bina



- Sains dan teknologi
    - Pertanian
    - Matematik
    - Astronomi dan kalendar
    - Perubatan dan kesihatan
    - Fizik, kimia dan biologi
    - Komunikasi, pengangkutan dan pelayaran
    - Teknologi peperangan
    - Ciptaan lain.
-